



Mengindang Kajian Intertekstual dalam Karya Sastra Melayu: Suatu Penelitian Literatur

Mohd Haniff Mohammad Yusoff¹, Rohaya Md Ali² & Phat a/l Awang Deng³
^{1,2,3}Universiti Utara Malaysia

Article Info

Received:
3 April 2020

Accepted:
11 August 2020

Publish
01 September 2020

E-mail address:

*corresponding Author:
haniffyusoff25@gmail.com

e-ISSN 2682-759X

Abstract

The reading experience often finds us with some of the source text in the new text. This new text is not a plagiarism, rather it revives characters from the source text and delivers them with a new style, storytelling and author's thinking. The phenomenon of absorption of ideas and inspiration from the source text into the new text is interesting to explore. Therefore, for this reason, researchers have made preliminary observations by conducting an intertextual study, which is a study of the relationships between texts that have been carried out to identify the authors' tendency to manipulate source texts in the production of new texts. These studies prove that there is a connection between the source text as well as the new text that can be traced to the relationship between the new text and the traditional text as well as the relationship between the new text and the same old text. Based on the findings of previous studies, it is possible to divide the textual studies into two main groups, namely authorship and author's thought study. In summary, the relationships that exist between texts come from a variety of sources that contribute to ideas and experiences including source texts. Naturally, the relationship between the new text and the source text needs to be explored so that readers and the public can enjoy the process of producing the author and interpret the author's thoughts.

Keyword: Intertextual, source text, new text, literature research

Pengenalan

Kesusasteraan Melayu adalah lapangan keintelektualan dalam menyampaikan pemikiran, kritikan, kebudayaan serta menjadi wahana dalam menyemarakkan perpaduan. Pengarang menakluk dunia kesusasteraan dengan magis kreativiti dan keupayaan kepengarangan yang dimiliki bagi menghasilkan karya yang menggugah. Setiap pengarang pastinya melalui proses kepengarangan yang berbeza-beza, malah alur pengaliran ilham serta jurus pandang setiap pengarang juga bernuansa. Pengarang bertanggung jawab dalam melaksanakan kerja-kerja kepengarangan mereka dan mempunyai pemikiran atau falsafah yang tersendiri untuk

disampaikan dengan gaya tersendiri. Mana Sikana (1996) menyifatkan penulis kreatif menjadi tamsilan terbaik kaedah pemanfaatan cara berfikir yang meluas untuk menghasilkan teks-teks kreatif. Kreativiti yang ditonjolkan pengarang turut memperlihatkan kecenderungan pengarang dalam menghasilkan karya dengan menghubungkan antara teks dengan teks yang lain.

Indiyah Prana Amertawengrum dan M. Hum (2010) menyifatkan seseorang pengarang tidak terlepas daripada melibatkan teks-teks lain atau teks-teks terdahulu semasa proses menghasilkan karya. Hal ini menunjukkan wujudnya penglibatan teks-teks lain yang telah wujud sebelum penghasilan teks yang baharu. Oleh yang demikian, pada masa kini wujudnya karya-karya sastera yang membangunkan kembali watak-watak yang pernah wujud dalam naskhah agung sastera lama, cerita-cerita rakyat ataupun cerita-cerita lisan yang pernah kita maklumi sebelum ini. Sehubungan dengan itu, makalah ini akan membincangkan kajian-kajian terdahulu terhadap karya-karya sastera yang melalui proses hubungan antara teks atau intertekstual. Hasil penelitian mendapati terdapat banyak kajian hubungan antara teks yang telah dilakukan terhadap karya sastera Melayu yang terdiri daripada novel, cerpen dan puisi. Tuan Rusmawati dan Mawar Safei (2016) menyatakan bahawa proses interteks yang berlaku antara teks awal dalam hiperteks membuktikan hayat karya sastera akan terus berpanjangan. Secara tidak langsung, teks baharu merupakan perspektif penulis pada masa semasa dari sudut yang berbeza.

Tidak dinafikan, kajian-kajian lampau dalam meneliti hubungan antara teks dengan teks yang lain telah banyak dijalankan, malah mencakupi pelbagai bidang dan bukan sekadar terhad kepada karya-karya sastera sahaja. Walau bagaimanapun, penelitian ini akan membataskan kepada kajian-kajian yang berada dalam lapangan kesusasteraan Melayu sahaja. Penyelidik akan menyorot kajian-kajian lampau yang melaksanakan kajian intertekstual sebagai pemerhatian awal.

Objektif Kajian

Penyelidik menyasarkan dua matlamat utama dalam melaksanakan penelitian ini iaitu;

1. Mengenal pasti kajian-kajian lampau mengenai intertekstual dalam karya-karya sastera Melayu.
2. Mengkategorikan kajian-kajian lampau mengenai intertekstual dalam karya-karya sastera Melayu.

Sorotan Literatur

Kajian-kajian intertekstual yang pernah dijalankan oleh pengkaji dalam negara ataupun luar negara bukanlah sesuatu yang baharu. Kajian-kajian intertekstual tidak terbatas pada karya-karya sastera sahaja, malah mencakupi pelbagai bidang dan lapangan. Hal ini dapat ditelusuri menerusi kajian yang dijalankan oleh Zulkifli Mohd Yusoff dan Wan Nasyrudin Wan Abdullah (2008) yang menjadikan tafsir bahasa Melayu pertama di alam Melayu iaitu *Tarjuman al-Mustafid* sebagai data kajian. Teori Intertekstualiti yang mempunyai 10 prinsip digunapakai dalam kajian ini bagi mencapai tujuan kajian ini iaitu mengaplikasi teori Intertekstualiti dalam penelitian terhadap kitab tafsir Melayu. Pengkaji merumuskan pengarang kitab tafsir Melayu ini mengaplikasi pendekatan Intertekstualiti, secara khususnya melakukan transformasi daripada hiperteks. Kitab tafsir *Tarjuman al-Mustafid* juga dikenal pasti menerima pengaruh yang dominan daripada kitab tafsir *al-Jalalayn*.

Mohamad Fitri Mohamad Yusof, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Pabiyah Haji Maming @ Pabiyah Toklubok dan Nor Azuwan Yaakob (2015) pula melihat hubungan antara teks atau intertekstual dalam lapangan ekonomi Islam. Kajian pakatan ini mengenal pasti praktis sosial wacana muamalat yang diamalkan dan seterusnya menghurai praktis wacana muamalat dari perpekstif intertekstualiti dalam kerangka sistem ekonomi konvensional. Pengkaji memanfaatkan pendekatan Analisis Wacana Kritis yang diperkenalkan oleh Fairclough. Kaedah kajian yang melibatkan kaedah kualitatif ini mempraktikkan analisis kandungan terhadap tiga buah teks pernyataan pengerusi dan empat buah teks ulasan operasi pengarah urusan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang dibataskan dari tahun 2009 sehingga tahun 2012. Pengkaji mengemukakan dapatan kajian dengan menyatakan praktis sosial yang diamalkan Ihsan. Pengkaji turut merumuskan kajian mereka menemukan elemen eksplisit sebagai elemen intertekstualiti yang paling dominan berbanding elemen yang lain. Walau bagaimanapun, penelitian ini hanya menjurus kepada penelitian terhadap kajian-kajian intertekstual yang dijalankan terhadap karya-karya sastra Melayu.

Karya-karya sastra tidak terlepas daripada penelitian daripada sudut intertekstual oleh para pengkaji. Penglibatan pengkaji dalam meneroka hubungan antara teks dengan teks mempertemukan kewujudan teks lain yang mendasari sesebuah karya, lalu pengarang mempercambah idea dengan menawarkan pembaharuan melalui kreativiti pengarang. Kajian intertekstual terhadap karya-karya sastra begitu banyak dijalankan oleh pengkaji terdahulu. Kajian-kajian yang dimaksudkan termasuklah kajian yang dijalankan oleh Mawar Safei (2005a), Mawar Safei (2005b), Mawar Safei (2006), Ruzy Suliza Hashim (2007), Kim Jang-Gyem (2008), Zaharah Osman (2008), Monique Zaini-Lajoubert (2010), Mana Sikana (2011), Mawar Safei, Misran Rokimin dan Che Abdullah Che Ya (2011), Abdul Halim Ali (2012), A. Rahman Tang Abdullah (2013), Rosma Derak (2014), Siti Aisyah Mohamed Salim dan Ungku Maimunah Mohd Tahir (2014), Nursham Abdul Aziz (2015), Tuan Rusmawati Raja Hassan dan Mawar Safei (2015), Low Kok On (2015), Tuan Rusmawati Raja Hassan dan Mawar Safei (2016) serta kajian oleh Mohd Saberi Muda dan Mas Rynna Wati Ahmad (2017).

Metodologi Kajian

Kajian ini secara keseluruhannya merupakan sebuah kajian yang mengaplikasikan pendekatan kualitatif. Othman Lebar (2017) menjelaskan penyelidikan kualitatif dilaksanakan dalam latar semula jadi dan penyelidik merupakan instrument utama dalam proses pengumpulan data dalam bentuk perkataan atau gambar, menganalisisnya secara induktif, memberi fokus kepada makna yang dibuat oleh partisipan kajian serta dijelaskan dalam bahasa ekspresif dan menarik. Melalui kajian ini, penyelidik melakukan tinjauan kosa ilmu terhadap kajian-kajian terdahulu berkenaan intertekstual. Kajian-kajian intertekstual yang diperoleh disaring bagi membolehkan penyelidik menemukan kajian-kajian intertekstual dalam bidang kesusasteraan Melayu sahaja. Penyelidik menjalankan pemerhatian awal terhadap kajian-kajian terdahulu bagi memperlihatkan kecenderungan, corak penelitian serta skop kajian yang mendasari kajian-kajian intertekstual sebelum ini. Seterusnya, penyelidik menghuraikan hasil dapatan penelitian yang dilakukan secara deskriptif.

Dapatan Kajian

Berdasarkan pengamatan yang telah dijalankan terhadap kajian-kajian lampau, kajian berkenaan intertekstual dalam karya-karya sastera sebelum ini meneroka aspek kepengarangan dan juga pemikiran pengarang.

i. Kajian Kepengarangan

Kelompok ini memperlihatkan para pengkaji menonjolkan keupayaan kepengarangan pengarang dalam menggembeleng karya sastera dengan melaksanakan proses intertekstual. Kajian intertekstual bagi kelompok kepengarangan merupakan kelompok yang memperlihatkan kajian-kajian yang menyerlahkan proses kreatif seseorang pengarang dalam menghasilkan karya. Kepengarangan seseorang diserlahkan dengan pendekatan interteks, lalu diterjemahkan melalui naratif sebagai sebuah karya fiksi. Kepengarangan merujuk kepada segala perihal yang berkaitan dengan pengarang (*Kamus Dewan Edisi Keempat*). Roslina Abu Bakar (2017) memperjelaskan, proses mengarang untuk menghasilkan sesuatu karya bukanlah sesuatu yang mudah. Hal ini diperakui beliau seperti kenyataannya yang berikut;

Perbuatan mengarang oleh pengarang yang kompeten tentunya memerlukan perancangan yang teliti. Pertama, pengarang terlebih dahulu mengenkod mesej yang mahu disampaikan kepada khalayak pembaca dalam fikirannya. Seterusnya, pembaca pula perlu mendekod, iaitu memecahkan simbol-simbol perkataan yang ditulis oleh pengarang. Sekiranya mesej yang disampaikan oleh pengarang mempunyai kesepadanan dan lapangan rujuk yang sama dengan khalayak pembaca, maka proses komunikasi yang dilaksanakan akan tercapai matlamatnya. Dalam hal ini, mesej atau perutusan merupakan elemen penting dalam proses komunikasi dan membawa tujuan yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada khalayak pembaca.

(Halaman: 6)

Sehubungan dengan itu, terdapat pengarang yang memilih untuk mewujudkan hubungan antara dua atau lebih teks sebagai proses mengarang mereka. Berdasarkan penelitian yang dijalankan, terdapat kajian-kajian yang cuba menyerlahkan kepengarangan pengarang melalui karya-karya yang terhasil melalui pendekatan intertekstual. Antara contoh kajian yang tergolong dalam kelompok ini ialah Mawar Safei (2005a), Mawar Safei (2006), Ruzy Suliza Hashim (2007), Zaharah Osman (2008), Mana Sikana (2011), Mawar Safei, Misran Rokimin dan Che Abdullah Che Ya (2011), A. Rahman Tang Abdullah (2013), Nursham Abdul Aziz (2015), dan kajian oleh Mohd Saberi Muda dan Mas Rynna Wati Ahmad (2017).

Melalui kajian yang dijalankan oleh Mawar Safei (2006), kepengarangan Harun Aminurrashid digeledah berdasarkan novel masyhurnya, *Panglima Awang*. Pengkaji menemukan kecenderungan Harun Aminurrashid yang gemar meneroka subjek berunsur sejarah dalam menghasilkan karya. Pengkaji mengesani pengarang menyerap peristiwa sejarah terutamanya peristiwa setelah Portugis menawan Melaka dan dikisahkan kembali secara berturutan fragmen masanya dalam novel *Panglima Awang*. Secara tidak langsung wujudnya hubungan intertekstual antara hipoteks sejarah dengan novel *Panglima Awang*. Pengkaji memperinci pengarang mengembleng teknik transformasi dalam menghidupkan unsur sejarah dalam karya berbentuk fiksi dan mengeksploitasi watak-watak sejarah dengan mengekalkan watak-watak sejarah dari hipoteks sejarah seperti Sultan Ahmad, (Diego) Lopez (de Sequeira), Hang Tuah, Raja Mandelihar

dan Kitul. Latar tempat seperti Melaka, Pagoh, Ulu Muar (Johor) dan Pahang turut dikekalkan. Selain itu, pengarang secara keseluruhannya telah memberikan pemaknaan yang baharu dengan melakukan demitefikasi terhadap hipoteks sejarah melalui novel *Panglima Awang* dengan mengangkat ketamadunan bangsa Melayu sebagai orang Melayu pertama yang berjaya mengembara mengelilingi dunia. Kajian lain seperti Mawar Safei (2005a) cuba menggeledah kepengarangan Anwar Ridhwan yang begitu akrab dengan teks-teks tradisional. Selanjutnya, Mawar Safei, Misran Rokimin dan Che Abdullah Che Ya (2011) membandingkan kepengarangan Anwar Ridhwan dengan Putu Wijaya berdasarkan keupayaan masing-masing dalam melakukan proses interteks terhadap karya masing-masing. Zaharah Osman (2005) menyerlahkan kepengarangan Talib Samat menerusi novel *Tengku Menteri*, Nursham Abdul Aziz (2015) pula meneliti kepengarangan Azizi Abdullah serta kajian oleh Mohd Saberi Muda dan Mas Rynna Wati Ahmad (2017) menggeledah kepengarangan Marzuki Ali. Kesemua kajian menyerlahkan sisi kepengarangan pengarang yang melakukan kerja-kerja intertekstual dalam karya mereka dari sudut individu.

Selain kajian-kajian intertekstual yang mengangkat kepengarangan seseorang tokoh pengarang, terdapat juga kajian dalam kategori ini yang menyumbang kepada kajian terhadap strategi naratif kepengarangan. Kajian-kajian yang dimaksudkan ialah Ruzy Suliza Hashim (2007), Mana Sikana (2011) dan A. Rahman Tang Abdullah (2013). A. Rahman Tang Abdullah (2013) menghasilkan sebuah kajian intertekstualiti terhadap naskhah klasik yang mempunyai kaitan dengan pensejarahan Johor Moden. Pengkaji membuat dua perbandingan iaitu antara *Hikayat Johor* dengan *Tawarikh Datuk Bentara Luar* dan *Hikayat Johor* dengan *Hikayat Pahang*. *Hikayat Johor* mempunyai hubungan yang lebih setia dengan teks *Tawarikh Datuk Bentara Luar* kerana mengandungi peristiwa penting pemerintahan Sultan Abu Bakar dan sekali gus membuktikan penulis *Hikayat Johor* turut menjadikan *Tawarikh Datuk Bentara Luar* sebagai sumber rujukan. *Hikayat Johor* dan *Hikayat Pahang* pula berbeza dari sudut pandangan penulis masing-masing terutama apabila terdapat penentangan antara Kesultanan Johor dengan Kesultanan Pahang. Masing-masing cuba mempertahankan penaung masing-masing dan penulisan merupakan wadah propaganda dan perjuangan mereka.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian yang dikelompokkan dalam kategori ini memperlihatkan kekuatan atau kecenderungan seseorang pengarang melalui kepengarangannya. Setiap pengarang mempunyai kelebihan dan corak penulisan tersendiri yang menjadikan hasil penulisan berbeza dengan pengarang yang lain. Secara tidak langsung setiap hasil penulisan mampu menyerlahkan keunikan dan identiti kepengarangan setiap pengarang.

ii. Kajian Mengungkap Pemikiran Pengarang

Kajian yang dikelompokkan dalam kategori ini merupakan kajian-kajian intertekstual yang turut membicarakan pemikiran pengarang yang cuba diungkapkan dalam naskhah-naskhah kajian. Kajian-kajian dalam kategori ini mendedahkan subjek-subjek yang diketengahkan pengarang melalui karya-karya kesusasteraan Melayu. Menyorot pendefinisian pemikiran, S. Othman Kelantan (2005) merumuskan pemikiran sebagai idea yang tercetus daripada golongan intelektual yang telah menggunakan akalinya dalam memikirkan sesuatu masalah dalam masyarakat yang melibatkan dirinya atau lingkungannya; dan pemikirannya itu disebarkan ke dalam lingkungan masyarakatnya atau menjangkau luar lingkungan masyarakatnya. Perbincangan terhadap karya-karya sastera tidak terlepas dalam mengupas pemikiran yang cuba disampaikan pengarang melalui karyanya. Oleh yang demikian, kajian-kajian yang menelusuri

pemikiran pengarang melalui karya sastera adalah sesuatu yang lazim dalam mengindahkan amanat serta matlamat karya sastera tersebut dihasilkan. Pengarang mempunyai aspirasi yang tersendiri dalam menghasilkan sesebuah karya dan khalayak pembaca menjadi sasaran yang utama.

Kajian dalam kelompok ini menyumbang kepada kepelbagaian maklumat tentang kecenderungan pengarang sastera Melayu menyerlahkan pemikiran masing-masing melalui karya. Antara contoh kajian dalam kelompok ini ialah Kim Jang-Gyem (2008), Monique Zaini-Lojoubert (2010), Abdul Halim Ali (2012), Siti Aisyah Mohamed Salim dan Ungku Maimunah Mohd Tahir (2014), Rosma Derak (2014), Tuan Rusmawati Raja Hassan dan Mawar Safei (2015), Low Kok On (2015) serta kajian oleh Tuan Rusmawati Raja Hassan dan Mawar Safei (2016). Kajian oleh Low Kok On (2015) merupakan kajian berkaitan hubungan intertekstual yang wujud antara cerita Abu Nawas versi rakyat Sabah dengan cerita Abu Nawas yang terdapat dalam *Hikayat Seribu Satu Malam*. Kajian ini bertujuan membuat perbandingan motif cerita Abu Nawas versi rakyat Sabah dengan motif cerita Abu Nawas yang terdapat dalam *Hikayat Seribu Satu Malam*. Hasil dapatan kajian, pengkaji mendapati cerita Abu Nawas versi rakyat Sabah kaya dengan motif dan sosiobudaya tempatan. Secara tidak langsung, kajian ini menemukan pemikiran pengarang cerita Abu Nawas versi rakyat Sabah yang cenderung mengemukakan kearifan tempatan.

Sebuah lagi kajian oleh Tuan Rusmawati Raja Hassan dan Mawar Safei (2016) adalah berkenaan intertekstualiti dalam novel *Juara*. Kajian ini cuba mengkaji hubungan teks novel *Juara* yang telah dikembangkan daripada cerpen 'Pahlawan Lembu,' karya S. Othman Kelantan. Novel *Juara* jelas menunjukkan kepengarangan S. Othman Kelantan yang begitu sensitif dengan keadaan politik dalam negara, namun diwakili watak yang dicipta secara parodi. Analisis intertekstualiti dalam kajian ini menumpukan kepada prinsip transformasi, eksistensi dan modifikasi. Hasil dapatan kajian menunjukkan novel *Juara* melalui ketiga-tiga proses atau prinsip yang diterapkan dalam kajian ini, walau bagaimanapun, prinsip yang paling ketara dalam novel ini ialah modifikasi bagi penyesuaian plot untuk memperkukuhkan jalan cerita. Tuntasnya, kajian ini menyelongkar pemikiran S. Othman Kelantan yang menawarkan pemikiran politik dalam novel *Juara*.

Tuntasnya, kajian-kajian dalam kategori ini merupakan interpretasi para pengkaji terhadap persoalan yang cuba dikemukakan oleh pengarang melalui karyanya. Ismail Yusoff (2008) berpendapat, memandangkan kesusasteraan merupakan lapangan bidang yang umum serta begitu meluas, bidang ini sering kali diperkatakan oleh sebegitu ramai penulis, lalu menilai kesusasteraan dalam pelbagai sudut. Berdasarkan konteks kajian ini, pengkaji mengesani para pengarang mempunyai persoalan utama yang ingin disampaikan kepada pembaca melalui keseluruhan cerita yang dinukilkan. Meneliti dan menelusuri pemikiran pengarang dalam penciptaan karya-karya penulisan sangat signifikan dalam mengeledah ideologi yang cuba disampaikan kepada pembaca dan secara tidak langsung merupakan wadah pendidikan kepada pembaca.

Perbincangan

Karya sastera Melayu melalui proses pengembangan yang panjang, daripada sastera lisan beranjak kepada karya berbentuk tulisan atau bercetak dan kini seiring perkembangan sains dan teknologi, munculnya sastera siber. Hal ini kerana kerana kesusasteraan Melayu baharu bukan suatu bentuk pernyataan yang muncul secara mendadak, tetapi lebih kepada suatu persambungan daripada bentuk-bentuk pernyataan yang memang sedia wujud dalam

masyarakat Melayu sebelumnya (*Sejarah Kesusasteraan Melayu*, 2006). Oleh yang demikian, wujudnya kebarangkalian terhadap pengolahan semula teks-teks sastera Melayu yang terdahulu. Kecenderungan ini memperjelaskan salah satu strategi yang dilakukan pengarang dalam menyampaikan ideologi mereka menerusi karya-karya fiksiyen.

Sememangnya tidak dinafikan bahawa kajian mengenai hubungan antara teks banyak dimonopoli oleh teks kajian yang terdiri daripada teks sastera, sama ada sastera moden ataupun sastera klasik. Naskhah sastera yang menjadi pilihan para pengkaji untuk dikaji terdiri daripada cerita rakyat, hikayat, puisi, cerpen, novel dan juga filem. Kajian-kajian yang dijalankan pula ada yang meneliti kepengarangan penulis yang sama dengan menjadikan karya hipoteks dan hiperteks dari penulis yang sama sebagai data kajian. Contohnya tesis Ijazah Sarjana Kedoktoran oleh Nursham Abdul Aziz (2015) yang meneliti kepengarangan Azizi Haji Abdullah. Kajian ini menganalisis tiga buah novel karya Azizi Haji Abdullah iaitu novel *Seorang Tua di Kaki Bukit* (1982), *Memoir Seorang Guru* (2007) dan *Beruk* (2010). Hasil dapatan kajian menyerlahkan keupayaan Azizi Haji Abdullah dalam melakukan proses pemindahan atau pertambahan episode berbanding teks-teks awalnya terhadap novel-novel kajian. Penelitian sebegini dapat memperlihatkan kematangan pengarang dalam memperkembangkan idea dan menterjemahkan kreativiti dalam mengolah karya hipoteks. Secara tidak langsung, proses ini mencerminkan proses perkembangan kepengarangan seseorang pengarang.

Mawar Safei (2005b) pula menerusi tesis doktor falsafahnya menumpukan hubungan yang wujud dan proses intertekstualiti yang berlaku antara teks dalam penghasilan novel Melayu. Hubungan antara teks itu dibahagikan kepada hubungan novel kajian dengan teks tradisional, teks awal pengarang sendiri, teks awal pengarang lain dan teks bukan kreatif. Kajian yang dilakukan merupakan sebuah perbandingan antara tiga orang pengarang yang telah dipilih iaitu Anwar Ridhwan (Malaysia), Putu Wijaya (Indonesia) dan Suratman Markasan (Singapura). Hasil kajian yang dijalankan mendapati ketiga-tiga orang pengarang ini cenderung melakukan interteks terhadap teks tradisional, teks awal sendiri dan teks pengarang lain. Karya-karya mereka juga mempunyai persamaan dari segi persoalan yang diketengahkan dalam karya masing-masing iaitu menyuarakan hak rakyat yang dipimpin oleh pemimpin.

Dapatan kajian juga memperlihatkan proses intertekstual merupakan proses pengkisahan semula atau pengolahan semula kisah sedia ada sebelumnya. Pengarang menggunakan keupayaan daya berfikir dan kreativiti untuk memberikan pemaknaan yang baharu dalam teks yang baharu. Proses kepengarangan atau proses kreatif yang berlaku dalam mempersiapkan sesebuah karya intertekstual menuntut pengarang untuk menyisih fakta, menyisip fakta dan melakukan pengembangan daripada teks asal atau hipoteks.

Selain itu, melalui analisis sorotan kajian-kajian lampau, penyelidik turut meneliti dari sudut teori yang digunakan. Kebanyakan kajian intertekstualiti memanfaatkan teori Intertekstualiti yang dibangunkan oleh Julia Kristeva (1980). Teori Intertekstualiti ini menerapkan 10 prinsip iaitu transformasi, modifikasi, ekspansi, demitefikasi, haplologi, ekserp, parallel, konversi, eksistensi dan defamilirasi. Contoh-contoh kajian tersebut ialah oleh Mawar Safei (2005a), Zaharah Osman (2008), Nursham Abdul Aziz (2015), Tuan Tasmawati Raja Hassan dan Mawar Safei (2015). Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan, terdapat beberapa kajian yang memfokuskan beberapa prinsip sahaja berbanding 10 prinsip yang dianjurkan Julia Kristeva (1980). Zaharah Osman (2008) memanfaatkan prinsip transformasi, modifikasi dan ekspansi dalam tesis Ijazah Sarjana Kedoktorannya, begitu juga dengan Nursham Abdul Aziz (2015). Tuan

Rusmawati Raja Hassan dan Mawar Safei (2016) pula hanya menumpukan kepada prinsip transformasi, eksistensi dan modifikasi.

Implikasi

Dapatan kajian daripada penelitian yang dijalankan merupakan penelitian awal bagi memahami kajian-kajian yang terlibat dalam membincangkan karya-karya intertekstual. Secara tidak langsung, penelitian awal dapat memberi gambaran awal dalam memahami konsep karya yang bersifat intertekstual. Penelitian awal juga menemukan terdapat penyelidik yang cenderung menggeledah karya-karya bersifat intertekstual dan melaksanakan kajian secara berterusan. Penelitian yang berterusan seperti ini pastinya mempertingkatkan kepakaran penyelidik dalam menghayati, meneliti dan menganalisis karya-karya intertekstual terutamanya karya kesusasteraan Melayu. Selain itu, kajian-kajian terdahulu mendedahkan kajian-kajian tentang intertekstual juga mencakupi pelbagai bidang disiplin seperti lapangan agama, ekonomi dan juga kesusasteraan. Kajian-kajian ini juga dapat menemukan karya-karya terbaik serta pengarang yang ideal yang menjadi pilihan penyelidik untuk melaksanakan penelitian secara ilmiah.

Kajian-kajian lampau yang menyumbang kepada kajian intertekstual dalam lapangan kesusasteraan Melayu pula memperlihatkan penelitian yang bervariasi dari segi pengarang dan juga teks-teks kajian. Hasil dapatan penelitian ini mampu memperlihatkan kecenderungan kajian-kajian terdahulu dalam menyelidiki karya-karya intertekstual seperti menonjolkan kepengarangan seseorang tokoh pengarang, menyerlahkan proses kreatif pengarang serta mengungkap pemikiran dalam karya-karya intertekstual. Selanjutnya, teks-teks lama dan teks-teks tradisional masih ditelaah dan diteliti bagi melakukan perbandingan terhadap karya-karya intertekstual dan secara tidak langsung memanjangkan riwayat teks-teks tersebut. Mohamad Zuber Ismail dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2017) menengaskan karya-karya kesusasteraan Melayu tradisional mengandungi sejumlah pemikiran, tingkah laku, gaya hidup dan pengalaman masyarakat Melayu silam yang begitu signifikan dalam mewajahkan peradaban dan keintelektualan Melayu. Secara tidak langsung, mempertahankan warisan bangsa untuk diteladani oleh generasi mendatang.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini secara tidak langsung menjadi asas kepada kajian-kajian intertekstual yang seterusnya. Sekali gus menjadi pemangkin kepada kajian-kajian intertekstual yang akan datang dalam mengisi kelompangan kajian-kajian sebelum ini. Terdapat pelbagai lagi aspek tinjauan serta penelitian yang boleh dilakukan oleh para penyelidik dan sarjana dalam meneruskan kelangsungan kajian-kajian terhadap karya intertekstual terutamanya dalam mengangkat kesusasteraan Melayu.

Penutup

Azhar Wahid (2019) menyifatkan sastera sebagai lembaga sosial yang menggunakan bahasa sebagai medium penyampaian dan bahasa itu sendiri merupakan ciptaan sosial. Karya-karya kesusasteraan Melayu akan terus menjadi rujukan serta penelitian bagi mengupas pemikiran pengarang dalam mentafsir segala permasalahan yang beraku pada zaman semasa. Hakikatnya, karya-karya yang dilahirkan pada zamannya mencerminkan atau merakamkan suasana zamannya. Seterusnya, karya-karya ini akan mewakili zamannya untuk dijadikan rujukan pada zaman-zaman yang akan datang. Fauzi bin Hasan, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Madiawati Mamat@Mustaffa (2019) berpendapat kesusasteraan Melayu umpamanya

mempunyai mesej serta imej masyarakat yang hendak disampaikan oleh pengarang dengan memaparkan kepelbagaian kehidupan masyarakat. Kajian-kajian intertekstual yang dilaksanakan mencerminkan keintelektualan pengarang-pengarang kesusasteraan Melayu dalam menyampaikan idea, pemikiran serta intepretasi masing-masing melalui karya sastera. Proses intertekstual yang berlangsung menjadi salah satu pilihan pengarang dalam menyampaikan idea serta strategi dalam penyusunan naratif yang baharu dengan memberikan pemaknaan yang baharu. Tuntasnya, para penyelidik dan sarjana wajar meneruskan kesinambungan kajian sedia ada bagi memberi nilai tambah terhadap kosa ilmu kajian sedia ada dan mempelopori kajian-kajian baharu dengan teori, kaedah dan data kajian yang belum diaplikasi.

Rujukan

- A. Rahman Tang Abdullah. (2013). Hikayat Johor (1908) dalam historiografi Melayu: Kajian intertekstualiti dalam aspek pensejarahan Johor moden (1824-1895). *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 19, 73-93.
- Abdul Halim Ali. (2012). Satu analisis pengkisahan semula sastera Melayu tradisional dalam perspektif baharu. *Jurnal Perspektif*, 4(2), 16-27.
- Azhar Wahid. (2019). Keupayaan Teksdealisme mengangkat keunggulan pengarang. *Journal of Education Research and Indigeneous Studies*, 1(1).
- Fauzi Hasan, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Madiawati Mamat@Mustaffa. (2019). Model remaja orang asli yang unggul dalam *Bahlut*. *Journal of Education Research and Indigeneous Studies*, 1(1).
- Indiyah Prana Amertawengrum & M. Hum. (2010). Teks dan intertekstualitas. *Magistra*, 73(22), 1-5.
- Ismail Yusoff. (2008). *Kesusasteraan Melayu lama dan baru*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Kamus Dewan edisi keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kim Jang-Gyem. (2008). Kajian semiotik dalam novel-novel Mochtar Lubis. *Sari*, 26, 149-159.
- Low Kok On. (2015). Abu Nawas folk version: Intertextuality and creativity. *Malay Literature*, 28(1), 1-31.
- Mana Sikana. (1996). *Falsafah dan seni kreatif Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2011). Dinamika dramatik tuntutan teoretis dan pelanggaran tekstual. *Jurnal Melayu*, 6, 187-210.
- Mawar Safei. (2005a). Hipoteks tradisional dalam novel-novel Anwar Ridhwan. *Jurnal Pengajian Melayu*, 16, 132-155.
- Mawar Safei. (2005b). Kajian bandingan novel Intertekstual Melayu. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Teknologi Nanyang, Singapura.

- Mawar Safei. (2006). Hipoteks sejarah dalam novel Panglima Awang. *Jurnal e-Bangi*,1(1), 28-47.
- Mawar Safei, Misran Rokimin & Che Abdullah Che Ya. (2011). Tradisi dalam novel Anwar Ridhwan dan Putu Wijaya. *Akademika*, 8(1), 83-91.
- Mohamad Fitri Mohamad Yusof, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Pabiyah Haji Maming @ Pabiyah Toklubok & Nor Azuwan Yaakob. (2015). Intertekstualiti dalam wacana muamalat. *International Journal of Malay World and Civilization*, 3(1), 91-105.
- Mohamad Zuber Ismail & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2017). Prinsip perancangan dalam Hikayat Awang Sulung Merah Muda. *Journal of Bussiness and Social Development*, 5(1), 123-139.
- Mohd Saberi Muda & Mas Rynna Wati Ahmad. (2017). Puisi ke teater: Transformasi karya Marzuki Ali. *Jurnal Melayu*, 16(1), 101-114.
- Monique Zaini-Lajoubert. (2010). Karya sastra Melayu moden yang berilhamkan karya sastra Melayu lama. *Jurnal Terjemah dan Tamadun Melayu*, 1(2), 113-143.
- Nursham Abdul Aziz. (2015). Novel-novel terpilih Azizi Haji Abdullah. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Malaya.
- Othman Lebar. (2017). Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Roslina Abu Bakar. (2017). Komunikasi tradisi dalam kepengarangan *Hikayat Pelanduk Jenaka*. *Jurnal Kemanusiaan*, 24(1), 23-49.
- Rosma Derak. (2014). Mendekonstruksi sejarah dalam novel 1515: Satu penulisan semula daripada perspektif golongan sulbaltern. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa MANU*, 21, 125-147.
- Ruzi Suliza Hashim. (2007). Pengolahan semula teks lama: Perbandingan strategi penulis wanita Melayu dan wanita Barat. *Jurnal e-Bangi*, 2(2), 1-18.
- S. Othman Kelantan. (2005). *Pemikiran satira dalam novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Safian Hussain, Mohd Tani Ahmad & Johan Jaafar (pngr.). (2006). *Sejarah kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Aisyah Mohamed Salim & Ungku Maimunah Mohd Tahir. (2014). Membaca perwatakan Stamford Raffles menggunakan Pensejarahan Baru: Analisis dua teks. *Jurnal Melayu*, 12(1), 1-13.
- Tuan Rusmawati Raja Hassan & Mawar Safei. (2015). Intertekstualiti dan konflik sosial dalam *Angin Timur Laut*. *Jurnal Melayu*,14(2), 328-345.
- Tuan Rusmawati Raja Hassan & Mawar Safei. (2016). Politik dan intertekstualiti dalam *Juara*. *Malay Literature Journal*, 28 (2), 207-232.

Zaharah Osman. (2009). Kajian Intertekstualiti novel *Tengku Menteri*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.

Zulkifli Mohd Yusoff & Wan Nasyrudin Wan Abdullah. (2008). Intertekstualiti dalam kitab tafsir Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 19(1), 208-225.